

Headline	SOJC terima tajaan RM2.15 juta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	260 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,305		



Khuzzan dan Tunku Abdul Rahman bersama barisan penaja yang memberikan sumbangan dalam kejohanan SOJC.

SOJC terima tajaan RM2.15 juta

KEJOHANAN Hoki Antara-bangsa Bawah 21 Tahun Piala Sultan Johor (SOJC) yang bakal diadakan pada bulan depan itu mendapat tajaan RM2.15 juta, lapor JULIZA MOHD SAAD.

Kejohanan kali kelapan itu akan berlangsung selama lapan hari bermula 6 Oktober di Stadium Hoki Taman Daya mendapat tajaan daripada kerajaan negeri berjumlah RM500,000 dan pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta.

Antara yang memberikan sumbangan penajaan adalah RITZ Corporation Holding Berhad dan Astaka Padu Sdn Bhd masing-masing RM200,000; Johor Corporation, JBB Builders (M) Sdn Bhd, UMLand dan Tenaga Nasional Berhad masing-masing RM100,000.

Begitu juga, SAJ Holdings

Sdn Bhd, KH Land Sdn Bhd, The Zon dan Iskandar Waterfront Holding Berhad, Genting Berhad masing-masing menyumbang RM50,000 dan Berjaya Times Square pula menyumbang RM30,000.

Sumbangan tersebut diserahkan penaja kepada Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim selaku wakil rasmi kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini, hari ini.

Turut hadir Exco Belia, Sukan dan Kebudayaan negeri, Mohd Khuzzan Abu Bakar; Pegawai Kewangan negeri, Datuk A. Rahim Nin; Datuk Bandar Johor Bahru, Amran Rahman dan Timbalan Presiden Persatuan Hoki Johor (PHJ), Datuk Majid Manjit Abdullah yang juga Naib Presiden Konfederasi

Hoki Malaysia (MHC).

Dalam pada itu, Mohd Khuzzan berkata, pada kejohanan kali ini sebanyak enam negara akan berentap dalam SOJC iaitu Malaysia, New Zealand, Australia, India, Great Britain dan Jepun.

"Harapan saya pasukan Malaysia akan berjuang habis-habisan dan kita sasarkan mereka untuk menduduki tempat kedua pada kejohanan kali ini."

"Persediaan dan latihan sudah dilakukan dan semuanya sudah berada di peringkat akhir. Saya harap pasukan kita (Malaysia) mampu melakukan yang terbaik," katanya dalam sidang media.

Khuzzan berkata, pihaknya menerima banyak permohonan untuk menyertai SOJC kali ini namun terpaksa menghadkan enam pasukan sahaja.